

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijepec.com**KEMAHIRAN BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR
PROGRAM PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA: SUATU
SOROTAN*****CULTURAL SKILLS AMONG TEACHER EDUCATION PROGRAM STUDENTS IN
MALAYSIA: A REVIEW***Nang Nashirah Nik Dahalan¹, Yasmin Ahmad^{2*}, Mardzelah Makhsin³¹ Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Email: nangnashirah@gmail.com

² Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Email: yasminahmad@unimap.edu.my

³ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: mazfaniy@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 30.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Dahalan, N. N. N., Ahmad, Y., & Makhsin, M. (2023). Kemahiran Budaya dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Guru di Malaysia: Suatu Sorotan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 379-386.

DOI: 10.35631/IJEPC.850028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Memahami kepelbagaian budaya boleh merapatkan perbezaan budaya antara guru dengan pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya akan mendapat manfaat daripada strategi pengajaran yang responsif terhadap budaya yang pelbagai. Dalam usaha memahami kepelbagaian budaya di Malaysia, antara caranya adalah perlunya wujud kemahiran budaya dalam kalangan bakal guru. Bakal guru perlu mempunyai tahap kemahiran budaya yang tinggi supaya setiap sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dapat menarik minat pelajar dan tidak berlaku bias, seterusnya dapat menjadikan sesi pengajaran di dalam kelas lebih efektif dan responsif terhadap kepelbagaian budaya. Program pendidikan guru perlu menyediakan lebih banyak peluang kepada bakal guru untuk terlibat dan berinteraksi dengan budaya yang pelbagai supaya dapat meningkatkan kemahiran budaya bakal guru untuk mengajar pelajar daripada etnik dan budaya yang pelbagai, seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran bakal guru ketika mengajar di dalam kelas yang pelbagai.

Kata Kunci:

Bakal Guru, Kemahiran Budaya, Kepelbagaian Budaya, Kompetensi Budaya, Responsif Budaya

Abstract:

Understanding cultural diversity can bridge cultural differences between teachers and students from various ethnicities and cultures. Students from diverse ethnic and cultures will get benefit from teaching strategies that are responsive to diverse cultures. In an effort to understand cultural diversity in Malaysia, one of the ways is the need to have cultural skills among preservice teachers. Preservice teachers need to have a high level of cultural skills so that every teaching and learning session in the class can attract students' interest and avoid bias, that can make teaching sessions in the classroom more effective and responsive to cultural diversity. Teacher education programs need to provide more opportunities for preservice teachers to engage and interact with diverse cultures in order to improve the cultural skills of preservice teachers to teach students from diverse ethnic and cultures and can improve the teaching quality of preservice teachers when teaching in the diverse classroom.

Keywords:

Cultural Skills, Cultural Diversity, Cultural Competence, Cultural Responsive, Preservice Teachers

Pengenalan

Di Malaysia, sejak dahulu lagi terdapat pelbagai budaya yang berbeza yang boleh dilihat dari aspek agama, etnik suku kaum, wilayah dan sebagainya (Amri, 2012). Budaya meliputi dari aspek yang pelbagai seperti makanan, pakaian, percakapan, pergaulan, dan cara berfikir. Daripada aspek yang pelbagai ini, wujudnya kepelbagaian masyarakat yang berbilang kaum dan anutan kepercayaan agama yang berbeza yang mana memberi peluang kepada masyarakat kita untuk memahami dan mempunyai kepelbagaian budaya di Malaysia (Othman & lain-lain., 2012). Kepelbagaian dan perbezaan budaya telah menjadi satu tarikan bagi negara Malaysia dan perhatian dunia dalam aspek penyatuan rakyat yang berbilang bangsa dan budaya (Kamri & lain-lain., 2016). Kepelbagaian pelajar di persekitaran sekolah yang terdiri daripada pelajar pelbagai etnik memerlukan guru memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai dari segi etnik dan budaya (Salmona & lain-lain., 2015; Gillespie, 2019).

Kepelbagaian budaya penting dalam konteks Malaysia kerana terdapat sekolah yang terdiri daripada pelajar pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Konsep pendidikan kepelbagaian budaya masih baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurikulum dan aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan kepelbagaian budaya masih perlu diperbanyakkan di sekolah. Pengetahuan dan kemahiran tentang kepelbagaian budaya dalam kalangan guru perlu ditingkatkan kerana masih kurang diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar di sekolah (Wahab & lain-lain., 2018).

Kemahiran Budaya

Kemahiran budaya adalah tingkah laku yang menggambarkan interaksi yang sensitif terhadap budaya kumpulan yang pelbagai (Pope-Davis & lain-lain., 2003). Kemahiran budaya ialah keupayaan untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan situasi dan perspektif budaya yang berbeza. Individu yang mempunyai kemahiran budaya dapat menyesuaikan diri dengan

budaya asing dan mempunyai pemikiran yang terbuka terhadap idea yang berbeza. Kemahiran budaya membolehkan individu memahami persekitarannya dengan baik dan dapat meningkatkan kesedaran sosial (Romijn & lain-lain., 2021). Individu yang mempunyai kemahiran budaya mempunyai komunikasi yang baik antara budaya, berdikari, kemahiran menyelesaikan masalah antara budaya, dan kemahiran berbahasa asing (Owiti & lain-lain., 2014).

Menurut Berger dan lain-lain. (2014), kemahiran budaya juga merujuk kepada keupayaan untuk melakukan penilaian terhadap sesuatu budaya yang berbeza. Kemahiran melalui komunikasi yang berkesan adalah merangkumi lisan dan bukan lisan yang boleh difahami oleh budaya lain. Penggunaan penterjemah yang sesuai adalah penting untuk mencapai persefahaman dalam sesuatu perkara. Kemahiran dalam memahami budaya lain sangat penting untuk menerapkan unsur kepelbagaian budaya ketika mengajar supaya kaedah pengajaran nampak lebih menarik dan guru dapat mengaitkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan kepelbagaian budaya (Wahab & lain-lain., 2018).

Menurut Lehman (2017), kemahiran budaya berkembang daripada kesedaran budaya dan pengetahuan budaya. Kajian Lehman (2017) juga mendapati kemahiran guru untuk mengajar pelajar daripada budaya yang berbeza adalah lemah, dan latihan perlu diberikan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran mengajar guru terhadap pelajar daripada budaya yang berbeza. Povenmire-Kirk dan lain-lain. (2015) menyatakan matlamat guru untuk menjadi seorang yang kompeten dari segi budaya bermula daripada pembangunan set kemahiran mengajar guru. Set kemahiran mengajar akan membantu guru untuk menggunakan strategi yang sesuai untuk mengajar pelajar daripada budaya yang berbeza.

Kemahiran Budaya dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Guru

Kefahaman guru atau bakal guru terhadap budaya yang pelbagai adalah penting untuk membangunkan persekitaran sekolah yang positif bagi memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Bagi persediaan bakal guru untuk mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai, program persediaan guru perlu melaksanakan pelbagai peluang dan pengalaman kepada bakal guru untuk meningkatkan kompetensi budaya bakal guru (Barnatt & lain-lain., 2020).

Program pendidikan guru perlu menyediakan bakal guru yang kompeten terhadap kepelbagaian budaya pelajar. Bagi membina dan meningkatkan kemahiran budaya dalam mengajar pelajar daripada pelbagai budaya, bakal guru perlu meningkatkan pengetahuan tentang budaya lain. Bakal guru perlu mengambil tahu tentang budaya lain dan mempelajari pelbagai sudut pandangan budaya (Guzman & lain-lain., 2016). Kemahiran bakal guru untuk membimbing pelajar daripada budaya yang pelbagai adalah suatu yang penting kerana dengan adanya kemahiran, bakal guru akan dapat membezakan teknik pengajaran kepada semua pelajar. Kursus persediaan guru dan pihak berkepentingan lain yang melatih bakal guru perlu mewujudkan proses berterusan supaya bakal guru dapat mengajar kelas yang pelbagai etnik dan budaya dengan lebih baik (Lehman, 2017).

Semasa berada di dalam latihan kursus perguruan, bakal guru akan melalui praktikum dan akan ditempatkan di sekolah bagi proses tersebut. Bakal guru akan mempunyai mentor yang akan memantau sepanjang proses praktikum tersebut. Dalam proses pengajaran di dalam kelas, bakal guru sebagai mentee akan menunjukkan kemahiran profesional bagi memperlihatkan kepada mentor pengalaman mengajar mereka sepanjang berada di dalam

latihan praktikum. Hal ini akan meningkatkan lagi kemahiran mengajar bakal guru terhadap pelajar daripada pelbagai budaya kelak (Gorman, 2010). Kerjasama bakal guru dengan rakan sebaya dan keluarga pelajar akan menyediakan peluang kemahiran kepada bakal guru untuk memperkembangkan lagi cara mereka dalam berhadapan dengan pelajar yang pelbagai (Lehman, 2017).

Affolter (2017) menyatakan bakal guru merasakan program pendidikan yang melatih guru bukan sahaja perlu mengajar berkenaan penerimaan budaya yang berbeza dalam kalangan pelajar di sekolah, tetapi juga harus memberi pendedahan kepada bakal guru bagaimana cara dan kemahiran yang perlu digunakan untuk mengajar pelajar daripada pelbagai budaya. Lambeth dan Smith (2016) juga mendapati bakal guru percaya bahawa pentingnya kemahiran untuk berinteraksi dengan pelajar daripada budaya yang pelbagai, mengenali minat dan personaliti pelajar, dan bakal guru mesti menunjukkan kemahiran yang bagus untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar di dalam kelas. Menurut Kedzior (2021), pendidikan di kolej dan universiti telah berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pendidikan pelbagai budaya kepada bakal guru bagi meningkatkan kemahiran dan sikap ketika mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai.

Selain itu, menurut Banks (2016), pendidikan program persediaan guru perlu memberi pendedahan kepada bakal guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencerminkan lima komponen berikut:

- i) Penyepaduan kandungan; iaitu menggalakkan guru mempelbagaikan kemahiran mengajar dengan menggabungkan topik daripada kumpulan budaya yang pelbagai. Contohnya seperti ketika mengajar di dalam kelas, guru memberikan contoh yang mewakili pandangan daripada budaya yang pelbagai.
- ii) Proses pembinaan pengetahuan; iaitu guru melaksanakan aktiviti di dalam kelas dan mengemukakan soalan tentang bagaimana pandangan pelajar tentang budaya yang pelbagai.
- iii) Pengurangan prejudis; iaitu guru menggunakan strategi yang bersesuaian dengan nilai dan sikap demokratik, mengelakkan sebarang strategi, sikap atau kepercayaan yang boleh menghalang pendidikan pelbagai budaya. Contohnya guru hendaklah memastikan pendapat semua pelajar didengari dan dihormati, walaupun pelajar tersebut daripada golongan budaya minoriti.
- iv) Pedagogi ekuiti; iaitu guru menggunakan pengajaran responsif budaya yang sesuai bagi pengajaran didalam kelas untuk kefahaman semua pelajar termasuklah pelajar daripada budaya yang berbeza. Ini kerana pelajar daripada budaya yang berbeza mungkin memerlukan jenis teknik pengajaran yang berbeza untuk kefahaman sesuatu pembelajaran.
- v) Memperkasakan budaya sekolah dan struktur sosial; iaitu sekolah sebagai suatu sistem sosial yang kompleks dan semua sistem perlu dibina semula untuk menghasilkan pembaharuan yang berkesan.

Pedagogi Responsif Budaya

Pedagogi Responsif Budaya merupakan antara kemahiran yang perlu dipelajari oleh guru dan bakal guru. Pedagogi Responsif Budaya ialah suatu pengajaran yang menggunakan ciri-ciri budaya, pengalaman dan perspektif kepelbagaian budaya pelajar sebagai suatu kaedah

pengajaran yang lebih sistematis dan berkesan (Gay, 2000; Gay, 2018). Pedagogi Responsif Budaya adalah suatu pendekatan untuk membantu guru bagi mewujudkan ekosistem pembelajaran yang efektif bagi menghadapi kepelbagaian pelajar di dalam kelas (Abdul Rahim & lain-lain., 2020). Pengajaran responsif budaya membantu guru mempunyai sifat menghormati dan mengambil berat tentang latar belakang budaya pelajar yang pelbagai dan membantu guru membangunkan kemahiran yang berkesan untuk mengajar di dalam kelas dengan kreatif dan menjadikan pengajaran guru berada pada tahap yang inklusif untuk pelajar yang pelbagai budaya (Gay, 2018; Abacioglu & lain-lain., 2020).

Menurut Gay (2000) dan Gay (2018), lima elemen diperlukan bagi pendekatan Pedagogi Responsif Budaya iaitu; pertama, asas pengetahuan tentang kepelbagaian budaya perlu ada di dalam diri; kedua, elemen pengajaran tentang kepelbagaian etnik dan budaya perlu dimasukkan di dalam kandungan kurikulum mata pelajaran untuk guru mengajar pelajar yang pelbagai; ketiga, sikap ambil berat terhadap pelajar yang pelbagai sangat perlu bagi membangunkan komuniti pembelajaran; keempat, berkomunikasi dengan baik terhadap pelajar dari budaya yang pelbagai; kelima, memberi maklum balas yang sesuai terhadap kepelbagaian etnik dan budaya ketika di dalam proses pengajaran. Selain lima elemen diatas, Ladson-Billings (2014) menyatakan kompetensi budaya telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor penting untuk pengajaran Pedagogi Responsif Budaya.

Kepelbagaian pelajar yang ada di sekolah memerlukan guru untuk mengamalkan pedagogi yang berkesan bagi memenuhi keperluan kepelbagaian pelajar supaya pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan baik. Guru perlu memupuk persefahaman budaya dalam pelbagai cara supaya guru menjadi lebih sensitif terhadap pelajar dari budaya yang berbeza dan menjadikan keadaan di dalam kelas lebih harmoni (Maasum & lain-lain., 2015). Tujuan pendekatan Pedagogi Responsif Budaya adalah bagi memastikan guru menyedari akan kepelbagaian budaya pelajar, mengambil tahu tentang latar belakang etnik dan budaya pelajar di sekolah, serta memupuk sifat kesepaduan supaya guru tidak mempunyai persepsi yang negatif terhadap budaya pelajar yang pelbagai (Maaruf & lain-lain., 2016).

Pedagogi Responsif Budaya membolehkan guru untuk bertindakbalas terhadap budaya pelajar yang pelbagai di dalam kelas. Apabila guru memahami budaya pelajar dengan baik, pembelajaran di dalam kelas akan berlaku dengan berkesan. Menurut Rychly dan Graves (2012), empat amalan guru yang penting untuk guru membentuk dan melaksanakan pedagogi responsif budaya; pertama, guru perlu mempunyai sikap empati dan mengambil berat terhadap pelajar; kedua, guru perlu memahami budaya yang pelbagai; ketiga, guru adalah cerminan kepada orang lain dan perlu menunjukkan aura yang positif untuk budaya sendiri; keempat, guru perlu mempunyai pengetahuan tentang budaya lain.

Menurut Abdul Rahim dan lain-lain. (2020) juga, kewujudan kepelbagaian latar belakang majmuk dalam kalangan pelajar di sekolah memerlukan guru untuk melaksanakan Pedagogi Responsif Budaya. Kepelbagaian etnik dan budaya masyarakat di Malaysia telah memberi kesan yang signifikan kepada kewujudan kepelbagaian budaya di sekolah. Situasi ini adalah lebih ketara di sekolah kebangsaan. Hal ini menuntut guru untuk mengamalkan pedagogi yang berkesan bagi memenuhi keperluan pembelajaran semua pelajar daripada latar belakang etnik dan budaya yang berbeza (Maasum & lain-lain., 2015). Oleh hal demikian, kemahiran Pedagogi Responsif Budaya perlu diamalkan oleh semua guru terutamanya guru yang mengajar di sekolah yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya pelajar.

Kesimpulan

Hari demi hari, kepelbagaian budaya semakin berkembang di Malaysia. Selain daripada memiliki masyarakat majmuk yang berbilang etnik dan budaya, pada masa kini juga dilihat kemasukan warganegara luar ke Malaysia bagi melanjutkan pengajian membawa kepada salah satu faktor wujudnya kepelbagaian budaya. Di sekolah, kemahiran bakal guru dalam menggunakan strategi, pendekatan, kaedah pengajaran yang berkesan, dan teknik yang bersesuaian dapat membantu bakal guru dalam menerapkan elemen-elemen yang signifikan dengan pelajar yang datangnya daripada pelbagai etnik dan budaya. Kebijaksanaan bakal guru memilih pendekatan pengajaran akan menjadikan pengajaran bakal guru dan pembelajaran pelajar menjadi lebih efektif, bermakna dan berkesan. Oleh itu, bakal guru yang mempunyai kemahiran budaya akan dapat mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai dengan kompeten di dalam kelas.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan di atas penganugerahan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2020/SS0/UNIMAP/02/4 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Abacioglu, C. S., Volman, M., & Fischer, A. H. (2020). Teachers' multicultural attitudes and perspective taking abilities as factors in culturally responsive teaching. *British Journal of Educational Psychology*, 90(3), 736–752. <https://doi.org/10.1111/bjep.12328>
- Abdul Rahim, M. Z., Mohamad Nasri, N., & Abd Talib, M. A. (2020). Pedagogi Responsif Budaya: Kesedaran, Pengetahuan dan Kesiediaan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 25–34.
- Affolter, E. A. (2017). "Staying Woke" on educational equity through Culturally Responsive Teaching. *ProQuest LLC*. http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED578342&site=ehost-live%0Ahttp://gateway.proquest.com/openurl?url_ver=Z39.88-2004&rft_val_fmt=info:ofi/fmt:kev:mtx:dissertation&res_dat=xri:pqm&rft_dat=xri:pqdiss:10289350
- Amri, S. (2012). *Modul Hubungan Etnik. Bangi*. Institut Kajian Etnik, UKM.
- Banks, J. A. (2016). The dimensions of Multicultural Education. In *Cultural Diversity and Education* (6th ed., p. 20).
- Barnatt, J., Andries D'Souza, L., Gleeson, A. M., Mitchell Viesca, K., & Wery, J. (2020). Intercultural Competence in Pre-Service Teacher Candidates. In *International Journal of Educational Reform* (Vol. 29, Issue 3). <https://doi.org/10.1177/1056787919896866>
- Berger, L. K., Zane, N., & Hwang, W. . (2014). Therapist ethnicity and treatment orientation differences in multicultural counseling competencies. *Asian American Journal of Psychology*, 5(1), 53–65. <https://doi.org/https://doi.org/10.1037/a0036178>
- Gay, G. (2000). *Culturally Responsive Teaching: Theory, Research, and Practice. Multicultural Education Series*.
- Gay, G. (2018). *Culturally responsive teaching: Theory, research, and practice* (Third Edit). teachers college press.
- Gillespie, V. (2019). *Unheard voices: Student perceptions about cultural competence in the independent school classroom*. University of New England.
- Guzman, M. R. T. de, Durden, T. R., Taylor, S. A., Guzman, J. M., & Potthoff, K. L. (2016). *Cultural Competence: An Important Skill Set for the 21st Century*. Index: Youth & Families, Families.

- Kamri, K. ., Isa, K., Yahya, A., Ahmad, A. ., & Yusoff, R. . (2016). Factors influencing alumni donations at Malaysian public universities. *Proceedings of the 28th International Business Information Management Association Conference-Vision 2020: Innovation Management, Development Sustainability, and Competitive Economic Growth*.
- Kedzior, J. (2021). *Self-Reported Multicultural Teaching Knowledge and Skills of School Professionals*.
<https://thekeep.eiu.edu/theses/4883/%0Ahttps://thekeep.eiu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=5884&context=theses>
- Ladson-Billings, G. (2014). Culturally Relevant Pedagogy 2.0: a.k.a. The Remix. *Harvard Educational Review*, 84, 74–84. <https://doi.org/10.17763/haer.84.1.p2rj131485484751>
- Lambeth, D. T., & Smith, A. M. (2016). Pre-service teachers' perceptions of Culturally Responsive Teacher preparation. *The Journal of Negro Education*, 85(1), 46–58. <https://doi.org/10.7709/jnegroeducation.85.1.0046>
- Lehman, C. L. (2017). Multicultural competence: A literature review supporting focused training for preservice teachers teaching diverse students. *Journal of Education and Practice*, 8(10), 109–116. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1139702.pdf>
- Maaruf, S. Z., Siraj, S., Abdullah, M. A., & Zulkifli, V. (2016). *Culturally Responsive Pedagogy: Experience in the Visual Art Education Classroom*.
- Maasum, T. N. R. T. M., Maarof, N., & Mohd Ali, M. (2015). Addressing learner diversity by culturally responsive pedagogy. *Journal of Social Science and Humanities*, 1, 138–150.
- Othman, S. S., Azdi, W. M. F., & Hassan, F. (2012). Kesedaran Budaya dan Tanggungjawab Media di Malaysia: Satu Perbincangan dari Perspektif Islam. *Journal Abqari*, 2, 17–38.
- Owiti, J. A., Ajaz, A., Ascoli, M., de Jongh, B., Palinski, A., & Bhui, K. S. (2014). Cultural consultation as a model for training multidisciplinary mental healthcare professionals in cultural competence skills: preliminary results. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 21(9), 814–826. <https://doi.org/10.1111/jpm.12124>
- Pope-Davis, D. B., Coleman, H. L. K., Liu, W. M., & Toporek, R. L. (Eds.). (2003). *Handbook of multicultural competencies: In counseling & psychology*. SAGE Publications, Inc.
- Povenmire-Kirk, T., Bethune, L., Alverson, C., & Kahn, L. (2015). A Journey, Not a Destination: Developing Cultural Competence in Secondary Transition. *Teaching Exceptional Children*, 47(6). <https://doi.org/10.1177/0040059915587679>
- Romijn, B. R., Slot, P. L., & Leseman, P. P. M. (2021). Increasing teachers' intercultural competences in teacher preparation programs and through professional development: A review. *Teaching and Teacher Education*, 98, 1–15. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103236>
- Rychly, L., & Graves, E. (2012). Teacher Characteristics for Culturally Responsive Pedagogy. *Multicultural Perspectives*, 14(1), 44–49. <https://doi.org/10.1080/15210960.2012.646853>
- Salmona, M., Partlo, M., Kaczynski, D., & Leonard, S. N. (2015). Developing culturally competent teachers: An international student teaching field experience. *Australian Journal of Teacher Education*, 40(4), 35–54. <https://doi.org/10.14221/ajte.2015v40n4.3>
- Wahab, N. A., Nathan, P., Hasnida, N., Ghazali, C. M., Rabi, N. M., & Dawi, A. H. (2018). Teachers' Perspective on Cultural Diversity in School: A Case Studies. *International*

Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 7(3),
497–506. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v7-i3/4568>